

D.R. 46/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember 1991.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1991.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Pada menepati perenggan (a) Perkara 102 Perlembagaan, perbelanjaan sebanyak yang tidak melebihi enam ribu tiga juta empat ratus tiga puluh enam ribu dua puluh ringgit (\$6,003,436,020) yang akan dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi bahagian tahun 1991 sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta Perbekalan berkenaan dengan tahun itu adalah dengan ini dibenarkan.

Pembenaran perbelanjaan sebanyak \$6,003,436.020.

(2) Amaun yang dibenarkan bagi setiap perkhidmatan yang dinyatakan dalam Ruang 1 Jadual ialah amaun yang dinyatakan dalam Ruang 2 Jadual.

JADUAL

Maksud	Ruang 1 Tajuk	Ruang 2 Amaun S
B. 1	Parlimen	5,441,000
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	282,000
B. 3	Jabatan Audit	9,237,000
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	5,113,000
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	3,323,000
B. 6	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	1,433,000
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	137,823,000
B. 8	Jabatan Perkhidmatan Awam	193,702,000
B. 9	Jabatan Perangkaan	38,456,000
B. 10	Jabatan Peguam Negara	4,307,000
B. 11	Badan Pencegah Rasuah	7,837,000
B. 12	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	160,000
B. 13	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	150,000
B. 14	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	18,188,000
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	3,487,000
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	27,196,000
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	13,517,000
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	31,282,000
B. 19	Kementerian Pertanian	275,507,000
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	28,389,000
B. 21	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna	10,780,000
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	34,826,000
B. 23	Jabatan Arkib Negara	2,683,000
B. 24	Muzium Negara	1,400,000
B. 25	Kementerian Pertahanan	833,408,000
B. 26	Kementerian Pendidikan	1,850,507,000
B. 27	Jabatan Perpustakaan Negara	2,219,000
B. 28	Perbendaharaan	35,242,000
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	369,562,000
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	252,874,000
B. 31	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	55,895,000
B. 32	Jabatan Hasil Dalam Negeri	36,107,000
B. 33	Kementerian Perusahaan Awam	55,501,000

KUMPULAN WANG DISATUKAN
(PERBELANJAAN MASUK AKAUN)

3

Maksud	Ruang 1 Tajuk	Ruang 2 Amaun \$
B. 34	Kementerian Kesihatan	482,167,000
B. 35	Kementerian Dalam Negeri	32,304,000
B. 36	Polis Diraja Malaysia	414,910,000
B. 37	Jabatan Imigresen	20,245,000
B. 38	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	1,056,000
B. 39	Jabatan Pendaftaran Negara	16,381,000
B. 40	Jabatan Penjara	37,328,000
B. 41	Jabatan Pertahanan Awam	1,000,000
B. 42	Jabatan Percetakan Negara	11,167,000
B. 43	Kementerian Kehakiman	17,525,000
B. 44	Kementerian Penerangan	80,698,000
B. 45	Kementerian Sumber Manusia	20,757,000
B. 46	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	33,221,000
B. 47	Kementerian Pengangkutan	54,204,000
B. 48	Jabatan Penerbangan Awam	10
B. 49	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	17,838,000
B. 50	Jabatan Perkhidmatan Pos	10
B. 51	Kementerian Luar Negeri	49,175,000
B. 52	Kementerian Kerja Raya	135,840,000
B. 53	Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	41,549,000
B. 54	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	146,926,000
B. 55	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	10,360,000
B. 56	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	26,737,000
B. 57	Jabatan Perpaduan Negara	6,214,000
Jumlah		6,003,436,020

HURAIAN

Oleh kerana Rang Undang-Undang Perbekalan bagi tahun 1991 tidak akan diluluskan oleh Parlimen sebelum 1hb Januari 1991, peruntukan perlulah dibuat untuk perbelanjaan dalam tahun 1991 bagi tempoh dari 1hb Januari 1991 sehingga tarikh Rang Undang-Undang Perbekalan untuk tahun itu menjadi undang-undang dan mula berkuatkuasa.

Rang Undang-undang ini, menurut perkara 102 (a) Perlembagaan, bertujuan membenarkan perbelanjaan sebanyak amaun yang tidak melebihi enam ribu tiga juta empat ratus tiga puluh enam ribu dua puluh ringgit (\$6,003,436,020) yang akan dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud itu. [PN. (U²) 1644.]